



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**KONSEP DAN SEJARAH PENUBUHAN HOSPITAL
(DARÜŞŞİFA) DALAM KERAJAAN UTHMANIYYAH ABAD KE-
15M DAN 16M**

*CONCEPT AND HISTORY OF THE ESTABLISHMENT OF OTTOMAN
HOSPITAL (DARÜŞŞİFA) IN 15th CE AND 16th CE*

Siti Nur Adilah Awang^{1*}, Ermy Azziaty Rozali², Roziyah Sidik @ Mat Sidek³

- ¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: P110085@siswa.ukm.edu.my
- ² Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: ermy@ukm.edu.my
- ³ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: roziyah@ukm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.04.2022
Revised date: 25.04.2022
Accepted date: 05.06.2022
Published date: 22.06.2022

To cite this document:

Awang, S. N. A., Rozali, E. A., & Mat Sidek, R. (2022). Konsep Dan Sejarah Penubuhan Hospital (Darüşşifa) Dalam Kerajaan Uthmaniyyah Abad Ke-15M Dan 16M. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 122-134.

DOI: 10.35631/IJLGC.728009.

Abstrak:

Salah satu sumbangan besar dalam bidang perubatan Uthmaniyyah adalah penubuhan institusi hospital yang dinamakan sebagai *dariüşşifa*. Secara dasarnya, hospital ini telah dibangunkan pada awal abad ke-15M bertujuan untuk mempromosikan kegiatan perubatan melalui pengamalan di institusi serta menawarkan khidmat kesihatan awam secara percuma. Penubuhan hospital ini juga telah mengembalikan semula tradisi kegemilangan hospital yang pernah dicapai dalam tamadun Islam pada era sebelumnya. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti konsep dan sejarah penubuhan hospital dalam kerajaan Uthmaniyyah dari abad ke-15M sehingga abad ke-16M. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan reka bentuk kajian sejarah berpandukan pelbagai sumber berautoriti dan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis teks serta deduktif. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa hospital (*dariüşşifa*) dalam kerajaan Uthmaniyyah merupakan sebuah institusi kebajikan yang menawarkan gabungan pendidikan kepada pelajar perubatan serta perkhidmatan perubatan secara percuma kepada masyarakat awam. Ia kebiasaannya dibina sama ada oleh pemerintah mahupun golongan istana di dalam binaan kompleks (*kulliye*) yang terletak di kota-kota utama seperti Bursa, Edirne, Istanbul dan Manisa. Hospital yang dibina mempunyai ciri-ciri yang unik antaranya menyediakan rawatan holistik merangkumi rawatan perubatan dan rohani, mempunyai fungsi dan kepakaran

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



perubatan yang pelbagai, fasiliti yang lengkap serta persekitaran yang kondusif dan mesra alam. Dengan penubuhan hospital ini, kerajaan Uthmaniyyah bukan sahaja mampu memperkasakan bidang sains perubatan bahkan juga dapat memperluaskan akses terhadap kemudahan kesihatan dan pendidikan kepada seluruh masyarakat sehingga mampu mengecapi pembangunan mampan dalam negara.

Kata Kunci:

Darüşşifa, Hospital, Institusi Kesihatan, Kerajaan Uthmaniyyah, Perubatan Uthmaniyyah

Abstract:

One of the major contributions in the field of Ottoman medicine was the establishment of a hospital institution called *darüşşifa*. Basically, this hospital was developed in the early 15th century with the aim of promoting medical activities through practice in institutions as well as offering public health services free of charge. The establishment of this hospital has also restored the glorious tradition of the hospital that was once achieved in Islamic civilization in previous eras. Thus, this study was conducted to identify the concept and history of the establishment of hospitals in the Ottoman Empire from the 15th century to the 16th century. This study uses a qualitative method with a historical study design approach based on various authoritative sources and then analyzed using text analysis and deductive methods. The findings of this study clearly show that the hospital (*darüşşifa*) in the Ottoman Empire was a charitable institution that offered a combination of education to medical students as well as free medical services to the general public. It is usually built either by the government or the palace in a complex (*kulliye*) located in major cities such as Bursa, Edirne, Istanbul and Manisa. The hospital building has unique features such as providing holistic treatment including medical and spiritual treatment, having a variety of medical functions and expertise, complete facilities and a conducive and eco-friendly environment. With the establishment of this hospital, the Ottoman Empire was able to strengthen the field of medical science, expand access of health and education facilities to the whole community as well as able to achieve sustainable development in the country successfully.

Keywords:

Darüşşifa, Hospitals, Medical Institutions, Ottoman Empire, Ottoman Medicine

Pengenalan

Kerajaan Uthmaniyyah merupakan sebuah kerajaan Islam yang muncul pada akhir abad ke-13M di wilayah Anatolia. Ia dinamakan sebagai Uthmaniyyah bersempena dengan nama pengasasnya, Osman (1299-1326M). Daripada sebuah wilayah kecil di Anatolia, kerajaan Uthmaniyyah berjaya mencapai kemuncak kegemilangan dan muncul sebagai kerajaan Islam terkuat ketika abad ke-15M dan 16M. Antara keistimewaan kerajaan ini adalah mempunyai jajahan takluk yang luas merangkumi benua Asia, Afrika serta benua Eropah. Kerajaan ini telah bertahan sekitar lebih 600 tahun di bawah pemerintahan 36 sultan dan berakhir secara rasminya pada tahun 1924M setelah Kemal Atatürk menjadikan Turki sebagai sebuah republik (Abu Hanifah, 2020).

Sepanjang enam abad kewujudan kerajaan ini, pelbagai sumbangan dan penemuan baru telah dihasilkan oleh para sarjana Uthmaniyyah khususnya dalam kegiatan intelektual dan kemajuan sains dan teknologi. Dalam konteks sumbangan dan kemajuan sains, bidang perubatan merupakan satu bidang yang mendapat perhatian tinggi dan giat dibangunkan (Roziyah & Nurliyana, 2013). Ammalina Dalillah (2015) menjelaskan, bidang perubatan telahpun wujud dalam kerajaan Uthmaniyyah seawal penubuhan kerajaan lagi. Ianya dibangunkan bersama beberapa bidang sains yang lain seperti matematik dan astronomi di institusi pendidikan dipanggil *madrrasah* atau *medreses*. Malahan untuk merancakkan lagi perkembangan bidang perubatan ini, kerajaan Uthmaniyyah turut mengambil inisiatif dengan menubuhkan institusi hospital bagi melaksanakan penyelidikan dan pengamalan perubatan secara menyeluruh.

Bermula abad ke-15M, hospital telah dibina oleh para pemerintah Uthmaniyyah dan golongan istana khususnya di beberapa kota utama seperti Bursa, Edirne dan Istanbul (Ihsanoglu, 2004). Menurut Shefer-Mossensohn (2015), penubuhan hospital dalam kerajaan Uthmaniyyah telah mengembalikan semula tradisi kegemilangan hospital yang pernah dicapai dalam tamadun Islam khususnya di Baghdad pada era sebelumnya dengan membina hospital-hospital berskala besar. Sengul (2015) turut mengutarakan bahawa hospital (*darüşşifa*) merupakan salah satu bangunan kompleks terpenting yang dilengkapi dengan fungsi dan kepakaran perubatan yang pelbagai. Malahan, ia juga dikatakan menjalankan operasi seperti hospital yang ada pada masa kini bahkan lebih menarik hanya menyediakan perkhidmatan kesihatan awam secara percuma (Ayduz, 2010).

Norshahidah (2015) pula berpendapat bahawa hospital yang dibina dalam kerajaan Uthmaniyyah merupakan prasarana yang bukan sahaja memajukan bidang sains Islam dan memenuhi keperluan para sarjana bahkan juga memberi bermanfaat kepada seluruh masyarakat. Pada hemaat pengkaji, penubuhan hospital ini telah menyumbang kepada pemahaman mengenai kegemilangan sains khususnya dalam konteks bidang perubatan dan penubuhan institusi hospital dalam tamadun Islam. Justeru, satu penelitian terhadap konsep dan sejarah penubuhan institusi hospital dalam kerajaan Uthmaniyyah sekitar abad ke-15M dan abad ke-16M perlu dilakukan agar dapat dijadikan iktibar untuk kegemilangan sains pada masa akan datang.

Kaedah Kajian

Sebagai panduan untuk mendapatkan hasil kajian, penulis menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan kajian sejarah dan analisis kandungan. Melalui metode kajian sejarah, penulis telah mengumpulkan maklumat dan data tekstual berkaitan konsep dan sejarah penubuhan hospital dalam kerajaan Uthmaniyyah daripada pelbagai sumber dan rujukan. Rujukan dalam kajian ini adalah meliputi buku, artikel, jurnal, ensiklopedia, kajian-kajian lepas dan laman sesawang yang berautoriti. Selain itu, kaedah analisis kandungan juga turut digunakan bagi mengekstrak maklumat dan data yang dikumpulkan bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang paling tepat bagi kajian ini. Untuk menganalisis maklumat secara bersistematik pula, dua kaedah analisis telah digunakan iaitu analisis berbentuk tematik teks dan juga analisis melalui kaedah deduktif.

Menurut Braun dan Clarke (2006), kaedah analisis berbentuk tematik teks merupakan suatu kaedah penganalisan data dengan tujuan untuk mengklasifikasi sesuatu maklumat yang dibaca mengikut beberapa tema berdasarkan objektif sebelum dianalisis secara mendalam. Manakala kaedah deduktif pula adalah satu proses penaakulan atau penghujahan terhadap satu

atau lebih kenyataan bagi mendapatkan satu kesimpulan yang pasti. Proses penaakulan ini dilakukan melalui analisis dan pengujian terhadap fakta-fakta yang ditemui dari sumber-sumber yang pelbagai. Hasil ujian tersebut, kesimpulan yang tepat dapat diterbitkan. Melalui kaedah ini juga, maklumat yang pelbagai dapat diuji dan dirumuskan (Sternberg, Sternberg, & Mio, 2012). Justeru, kaedah analisis tematiks dan deduktif adalah paling sesuai diaplikasikan dalam kajian ini bagi tujuan pengumpulan data secara bersistematik dan berkesan, mengelakkan dari kekeliruan data dan juga memudahkan proses analisis maklumat. Data yang dikumpulkan dalam kajian ini adalah berkisar tentang perbincangan hospital-hospital awam pada era pemerintah kerajaan Uthmaniyyah dalam tempoh masa sekitar abad ke-15M sehingga abad ke-16M.

Dapatan dan Perbincangan

Hasil dapatan dan perbincangan dalam kajian ini akan menumpukan kepada dua perbahasan utama sahaja iaitu konsep dan sejarah penubuhan hospital dalam kerajaan Uthmaniyyah.

Konsep Hospital dalam Kerajaan Uthmaniyyah

Dalam kerajaan Uthmaniyyah, hospital dikenali dengan istilah *dariüşşifa* atau *dar al-shifa*. Dari segi istilah, *dariüşşifa* atau *dar al-shifa* berasal dari gabungan dua perkataan Arab iaitu ‘*dar*’ membawa maksud pintu, rumah atau tempat manakala ‘*shifa*’ membawa maksud penyembuhan atau rawatan (Yilmaz, 2013). Selain daripada istilah *dariüşşifa*, terdapat juga beberapa istilah lain yang digunakan bagi institusi perubatan dalam kerajaan Uthmaniyyah antaranya *dar al-ssiha*, *bimarhane*, *sifahane*, *timarhane* dan *bimarastan* (Ergin, 2015; Ergüven & Yilmaz, 2017; Ucaner & Heiderscheit, 2016). Menurut Nur Ainul Basyirah dan Ermy Azziaty (2017), *dariüşşifa* juga boleh didefinisikan sebagai institusi ‘wakaf kesihatan’. Secara dasarnya, idea penubuhan dan sistem hospital (*dariüşşifa*) ini merupakan hasil adaptasi model hospital dan gabungan tradisi perubatan yang pelbagai merangkumi pengaruh Asia Tengah, Anatolia, tamadun Islam sebelumnya dan juga tamadun terdahulu seperti Byzantine. Idea dan sistem yang diguna pakai adalah seperti kaedah perubatan, sistem pentadbiran dan pengurusan hospital serta seni bina dan reka bentuk bangunan hospital (Shefer-Mossensohn, 2009).

Hospital dalam kerajaan Uthmaniyyah kebiasaannya dibina oleh pemerintah dan golongan istana dengan beberapa tujuan tertentu. Antaranya, hospital dibina adalah untuk melatih pelajar perubatan sehingga berjaya melahirkan doktor perubatan yang berkepakaran tinggi dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Ia juga dibina bagi menyediakan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada masyarakat awam secara percuma. Seterusnya, hospital yang dibina turut bertujuan untuk mendapatkan sokongan rakyat demi mengukuhkan kuasa dan pengaruh para pemerintah dan dalam masa yang sama bagi mewujudkan keadilan sosial dan keharmonian dalam negara. Selain itu, penubuhan hospital juga bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui kerja-kerja kebajikan dan membantu golongan yang memerlukan perkhidmatan kesihatan khususnya melalui amalan wakaf (Nur Ainul Basyirah & Ermy Azziaty, 2017). Dana wakaf yang disalurkan kepada institusi hospital memainkan peranan penting dalam aktiviti pembangunan dan pengoperasian hospital (Shaw, 1976).

Sebagai sebuah institusi wakaf, hospital ini bertanggungjawab memberikan kemudahan kesihatan kepada sesiapa sahaja yang datang tanpa mengira latar belakang agama, taraf sosial, warna kulit mahupun keturunan. Ia kebiasaannya dilawati oleh pesakit yang mempunyai taraf sosial rendah seperti gelandangan, orang miskin, pengembara, dan pedagang berbanding golongan kaya yang lebih memilih untuk dirawat secara terus di kediaman masing-masing

(Yildirim, 2019). Pesakit yang datang ke hospital akan mendapat pemeriksaan yang teliti di klinik pesakit luar dan diberikan ubat yang bersesuaian dengan pesakit secara percuma. Sekiranya memerlukan rawatan susulan, mereka akan dimandikan dan diberikan pakaian bersih sebelum dimasukkan ke wad (Disli, 2018). Pesakit juga dibenarkan untuk menginap di hospital tanpa tempoh masa tertentu (Ucaner & Heiderscheit, 2016). Segala perbelanjaan sepanjang berada di hospital meliputi ubat-ubatan, rawatan, makan sebanyak tiga kali sehari, pemanasan dan pencahayaan juga akan ditanggung oleh pihak hospital (Cikmaz & Mesut, 2020).

Perkhidmatan yang disediakan di hospital kepada masyarakat awam adalah merangkumi rawatan perubatan dan rawatan rohani. Rawatan perubatan merangkumi diagnosis yang teliti terhadap penyakit dengan menggunakan beberapa kaedah asas antaranya seperti urinalisis (ujian air kencing), pemeriksaan nadi, pengamalan diet yang sesuai dan pembersihan badan sebelum rawatan perubatan (Tanriover, 2016). Selain itu, intervensi pembedahan dan ubat-ubatan berasaskan herba juga turut disediakan (Bakır & Başağaoğlu, 2006). Manakala, rawatan rohani pula adalah terapi melalui ekosistem persekitaran hospital yang mempunyai elemen terapeutik untuk merangsang deria pesakit seperti terapi muzik dan pencahayaan (Tanriover, 2016). Menurut Bakır dan Başağaoğlu (2006) dan Roziah et al. (2022), ahli pemuzik dan pencerita turut diupah di samping ada qari yang membacakan al-Quran untuk menenangkan dan menghiburkan pesakit melalui terapi muzik. Muzik lembut juga turut dimainkan pada waktu malam untuk menenangkan mereka yang tidak dapat tidur (Erdal & Erbaş, 2013). Bukan itu sahaja, bunyi alam seperti air yang mengalir, kicauan burung di samping wangian yang menyenangkan, persekitaran hospital yang bersih serta dikelilingi oleh taman bunga juga antara elemen penyembuhan holistik yang diterapkan. Kaedah terapi muzik melalui pemuzik dan bunyi alam semulajadi ini merupakan kaedah utama yang digunakan bagi merawat pesakit mental di hospital dalam kerajaan Uthmaniyyah (Afacan, 2010).

Untuk memastikan kesemua pesakit mendapatkan perkhidmatan rawatan yang terbaik, kerjasama dari para kakitangan hospital amat memainkan peranan penting. Kakitangan utama hospital seperti ketua doktor, pengamal perubatan am, pakar oftalmologi, pakar bedah, ahli farmasi bertanggungjawab menjaga badan pesakit sementara kakitangan lain meliputi unit pembersihan dan penyelenggaraan hospital, tukang masak dan lain-lain pula menjaga minda dan jiwa pesakit (Shefer-Mossensohn, 2009). Kesemuanya diberikan gaji dengan jumlah yang setimpal melalui hasil dana wakaf (Cikmaz & Mesut, 2020). Malahan, terdapat juga beberapa hospital yang memasukkan pemuzik dan juru cerita dalam senarai gaji kakitangan mereka (Shefer-Mossensohn, 2015). Sebagai contoh, gaji para kakitangan di Hospital Bayezid II dibayar setiap hari menggunakan kepingan syiling perak. Seorang ketua doktor dibayar 30 keping sehari, doktor perubatan am 10 keping, pakar mata 7 keping, penyedia ubat 6 keping, setiausaha 4 keping, jururawat 3 keping, orang yang bertanggungjawab membeli keperluan hospital dibayar 4 keping, staf sokongan seperti tukang masak, tukang cuci, penjaga pintu, pengurus jenazah dan tukang pembuat wangian kesemuanya dibayar 3 keping (Heybeli, 2009). Di Hospital Bayezid II juga, ahli pemuzik yang bekerja di bawah ketua doktor dibayar gaji sebanyak 10 keping syiling perak sehari (Akinci, 2018).

Di samping merawat pesakit, hospital juga turut berperanan sebagai tempat bagi latihan profesional untuk para pelajar perubatan mengaplikasikan teori perubatan yang dipelajari secara amali ke atas pesakit. Lazimnya, pengajaran dan pengajian teori dijalankan di bilik kuliah di madrasah (sekolah perubatan) disebut juga '*medrese-i etibba*' (fakulti perubatan),

manakala latihan amali dijalankan di *darüşşifa* (hospital) yang dibina bersebelahan. Sepanjang pengajian di madrasah, para pelajar didedahkan kepada teori-teori dan kajian kesusasteraan perubatan tamadun Islam abad pertengahan contohnya seperti teks perubatan *al-Qanun fi al-Tibb* oleh Ibn Sina (Gunergun, 2009). Di samping itu, pelbagai ilmu lain seperti ilmu agama, falsafah dan bahasa Arab juga turut diajarkan (Ahmad Sobrie & Roziah, 2017). Dari sudut kaedah pengajaran, para pelajar diajarkan berteraskan model '*master-apprentice*' iaitu kaedah dimana para doktor pelatih akan membuat lawatan ke wad para pesakit di hospital dan diberikan tunjuk ajar secara langsung dari doktor berpengalaman (Cikmaz & Mesut, 2020; Ihsanoglu, 2006). Contohnya di Hospital Suleymaniye, para pelajar mempelajari teori selama 4 hari setiap seminggu di dalam kuliah dan mempraktikkan teori tersebut di hospital pada hari berikutnya (Ayduz, 2004). Setelah lulus pengajian, para pelajar akan dianugerahkan '*icazet*' (ijazah) dan kemudian ditawarkan untuk berkhidmat di hospital.

Dari sudut lokasi, hospital dalam kerajaan Uthmaniyyah bukan dibina sebagai sebuah bangunan sendiri akan tetapi ianya dibina sebagai sebahagian daripada binaan di dalam kompleks sosial (*kulliye*) (Ihsanoglu, 2004). Reka bentuk hospital pula secara fizikalnya dibina dengan skala yang besar dan luas (Shefer-Mossensohn, 2015) yang terdiri daripada bangunan berkembar iaitu bangunan hospital dan bangunan madrasah (sekolah perubatan) (Turgut, 2010). Ianya direka dengan suasana yang amat kondusif iaitu mempunyai sebuah halaman terbuka berbentuk segi empat persegi (seumpama sebuah taman) dikelilingi oleh anjung di setiap penjuru hospital. Sementara anjung-anjung itu pula adalah pintu masuk ke bilik-bilik yang berhampiran (Mohd Jailani, 2019). Bagi reka bentuk dalaman hospital, setiap bahagian disusun dengan teratur terdiri daripada *hammam* (ruangan mandi) untuk pesakit, bilik untuk penyediaan dan penyimpanan ubat, bilik pesakit dan bilik doktor. Wad pesakit lelaki dan perempuan diasingkan dan dipantau oleh jururawat dan doktor yang sama jantina. Bagi pesakit mental, wad berasingan yang luas turut disediakan. Selain itu, terdapat juga beberapa infrastruktur yang berfungsi sebagai sistem akustik hospital bagi tujuan rawatan terapi muzik seperti koridor dan kubah bagi terapi muzik, air pancut dan kolam (Erdal & Erbaş, 2013).

Sejarah Penubuhan Hospital dalam Kerajaan Uthmaniyyah Abad ke-15M dan Abad ke-16M.

Berikut merupakan antara hospital awam terkemuka yang pernah dibina oleh kerajaan Uthmaniyyah dalam tempoh abad ke-15M sehingga abad ke-16M di kota-kota utama oleh pemerintah dan golongan istana Uthmaniyyah:

Jadual 1: Hospital Dalam Kerajaan Uthmaniyyah Abad ke-15M dan 16M

Lokasi	Nama Hospital (<i>Darüşşifa</i>)	Tahun Penubuhan (Masihi)
Bursa	Yıldırım Bayezid Darüşşifa	1399/1400
Istanbul	Fatih Darüşşifa	1470
Edirne	Bayezid II Darüşşifa	1484-1488
Manisa	Hafsa Sultan Darüşşifa	1539
Istanbul	Haseki Darüşşifa	1550
Istanbul	Süleymaniye Darüşşifa	1553-1559
Istanbul	Atik Valide Nurbanu Sultan Darüşşifa	1582

Sumber: (Erguven & Yilmaz, 2017)

Yıldırım Bayezid Darüşşifa, Bursa

Yıldırım Bayezid Darüşşifa merupakan hospital pertama yang dibina dalam kerajaan Uthmaniyyah. Hospital ini diasaskan oleh Sultan Yıldırım Beyazid I pada 12 Mei 1400M bersebelahan dengan masjid di dalam Kompleks Beyazid I yang terletak di bahagian Timur kaki Gunung Olympus, Bursa (Ayduz, 2004). Dari sudut fasiliti dan kakitangan, hospital ini dilengkapi dengan 4 wad besar, 22 wad kecil, 3 orang doktor dan 2 penyedia ubat (Farahdina, 2005). Ketua doktor di hospital ini merupakan doktor dari Iran bernama Husnu. Beliau telah dilantik menjadi ketua di hospital ini kerana pada ketika itu kerajaan Uthmaniyyah tidak mempunyai ramai doktor pakar yang mampu menguruskan fungsi hospital. Para doktor pakar yang berkhidmat dalam kerajaan Uthmaniyyah kebanyakannya diserap masuk daripada kerajaan Seljuk atau dari kerajaan Islam yang lain seperti Mesir, Syria dan lain-lain (Ayduz, 2007).

Dari segi struktur reka bentuk, hospital ini disambung dengan sekolah perubatan, dinamakan sebagai *Dar al-Tib* (Fakulti Perubatan) (Said, 1988). Menurut Nur Ainul Basyirah (2017), pada awal penubuhan hospital ini turut dilengkapi dengan satu bahagian wad pesakit mental dan bahagian pesakit yang lain, namun setelah beberapa tahun kemudian hospital ini telah ditukarkan sepenuhnya menjadi sebuah hospital untuk pesakit mental sahaja sehinggalah akhir abad ke-19M. Hospital ini turut mengalami pelbagai penambahbaikan itu sekitar tahun 1617M, 1649M, 1669M dan 1671M sehinggalah tamat operasinya pada tahun 1854M (Ergin, 2015).

Fâtih Darüşşifa, İstanbul

Hospital kedua yang terkemuka ditubuhkan dalam kerajaan Uthmaniyyah adalah Fâtih Darüşşifa di İstanbul. Hospital ini dibina oleh Sultan Mehmet II, 17 tahun setelah kota Konstantinople berjaya ditawan oleh kerajaan Uthmaniyyah iaitu sekitar tahun 1470M (Afacan, 2010; Erdal & Erbas, 2013). Sultan Mehmet II meminta seorang arkitek berbangsa Greek bernama Atik Sinan membina hospital ini di atas tapak gereja *Holy Apostles* di dalam kompleks Fâtih. Menurut Gunergun (2009), kompleks Fatih merupakan antara *kulliye* terbesar yang dibina pada era pemerintahan Sultan Mehmet II iaitu berkeluasan sekitar 3400 meter persegi. Selain daripada hospital, kompleks ini juga terdiri daripada bangunan-bangunan lain seperti masjid, lapar buah *madrasah*, kedai, dua menara, *imaret*, dapur, *karavanserai*, perpustakaan, sekolah rendah, rumah tumpangan (*tabhane*), air pancut, kiosk, wad sakit mental dan *hammam* (ruangan mandi).

Menurut Ayduz (2010), hospital yang terdapat dalam kompleks ini mempunyai 70 buah bilik, 80 buah kubah dan mempunyai bahagian berasingan untuk pesakit wanita. Hospital ini turut mempunyai 2 doktor pakar, seorang pakar bedah, seorang ahli farmasi, seorang pakar mata, seorang pembantu dan seorang penjaga pintu (Said, 1988). Pembinaan dan pengurusan bagi hospital adalah melalui dana pendapatan sultan sendiri di samping kutipan hasil sewaan daripada kedai-kedai di bawah pemerintahan Sultan Mehmet II (Nur Ainul Basyirah & Ermy Azziaty, 2017). Pada 14 September 1509M, berlaku bencana gempa bumi berskala besar di İstanbul dan mengakibatkan operasi hospital sedikit demi sedikit terganggu. Hospital ini berjaya dibaikpulih semula oleh anak Sultan Mehmet II iaitu Sultan Bayezid II. Walaubagaimanapun, gempa bumi yang berlaku berturut-turut pada tahun 1747M, 1754M, 1766M menyebabkan kerosakan yang teruk pada keseluruhan kompleks termasuklah hospital dan madrasah perubatan (Yıldırım, 2019).

Bayezid II Dariüşşifa, Edirne

Anak kepada Sultan Mehmed II iaitu Sultan Bayezid II juga telah membina sebuah kompleks iaitu Kompleks Bayezid II yang mempunyai sebuah hospital di dalamnya. Ia dinamakan sebagai Bayezid II Dariüşşifa. Kompleks Bayezid II ini didirikan di bahagian utara sungai Tunca di Edirne (UNESCO, 2016). Pembinaan hospital dan kompleks ini secara keseluruhan bermula tahun 1484M dan siap dibina sekitar 1488M di atas arahan Sultan Bayezid II bersama arkitek bernama Hayrettin (Akinci, 2018; Erdal & Erbas, 2013). Menurut Mihaljinec (2021), bahagian hospital merupakan antara bahagian terpenting di dalam kompleks tersebut dan dibina bersama dengan sekolah perubatan. Antara kakitangan utama hospital ini adalah doktor, pakar bedah, jururawat serta ahli farmasi (Babacan, 2019). Hospital ini juga merupakan hospital pakar bagi oftamologi dan psikoterapi (Said, 1988; Ayduz, 2004).

Dari segi reka bentuk, hospital ini mempunyai tiga halaman utama. Halaman pertama menempatkan enam bilik pesakit luar, bilik servis dan perkhidmatan seperti dapur, dobi dan stor ubat-ubatan. Halaman kedua pula mempunyai empat bilik pentadbiran manakala halaman ketiga adalah bilik pesakit yang ditempatkan di wad dipanggil juga sebagai *sifahane* (rumah penyembuhan). Bilik-bilik diletakkan secara bertentangan dengan setiap bilik lain di sepanjang halaman pertama hospital yang berbentuk segi empat tepat. Terdapat juga bilik perkhidmatan seperti dapur, bilik bawah tanah, dan bilik dobi di sebelah timur halaman pertama dan sistem tiang melengkung dengan tujuh bahagian di sebelah barat. Enam daripada tujuh bilik di belakang tiang ini adalah poliklinik berkubah (Akinci, 2018).

Pada awal penubuhan, hospital ini dikunjungi oleh sesiapa sahaja yang memerlukan khidmat rawatan dan ubat-ubatan. Para pesakit yang datang bukan sahaja mendapat layanan istimewa, bahkan juga turut disediakan tempat tinggal dan makanan selama tiga hari kepada keluarga pesakit, pengembara yang datang dari jauh. Selain itu, hospital ini turut menawarkan khidmat rawatan dan penjagaan pesakit mental melalui terapi muzik (Babacan, 2019). Bermula tahun 1866M hospital ini hanya menerima pesakit mental sahaja (Erdal & Erbas, 2013). Sekitar tahun 1912-1913M, hospital mental ini dibiarkan tidak berfungsi kesan peperangan Balkan. Pada tahun 1997, hospital ini telah dibaikpulih dan dijadikan muzium kesihatan sehingga berjaya dianugerahkan *Museum Prize* pada tahun 2004 (Erdal & Erbas, 2013; Nur Ainul Basyirah, 2017). Kompleks Sultan Bayezid II dan hospital ini diiktiraf sebagai pusat perubatan holistik dan telah dijadikan sebagai salah satu tapak warisan sejarah Turki oleh UNESCO (UNESCO, 2016).

Hafsa Sultan Dariüşşifa, Manisa

Hospital ini diasaskan oleh Hafsa Sultan iaitu merupakan isteri kepada Sultan Selim dan ibu kepada Sultan Suleyman al-Qanuni. Hospital ini dibina di dalam sebuah kompleks sosial bersama beberapa binaan lain seperti masjid, madrasah, *hammam* (ruang mandi), rumah orang miskin (Said, 1988). Ianya dibina pada 1539M (Erguven & Yilmaz, 2017). Merkez Effendi seorang doktor yang terkenal dan ahli Sufi yang sangat dihormati pernah berkhidmat sebagai ketua doktor pertama di hospital ini. Semasa berkhidmat di hospital tersebut, beliau telah menghasilkan ramuan atau tonik otak dikenali pada zaman itu dengan istilah *Mesir* atau *Ma'jun Mesir*. Ramuan ini dianggap sangat berkesan dalam rawatan penyakit mental (Said, 1988). Terapi muzik turut diaplikasi di hospital ini dan berfungsi sebagai hospital sakit mental sehingga akhir abad ke-19M (Ayduz, 2004).

Haseki Darüşşifa, İstanbul

Haseki Darüşşifa dibina di dalam kompleks Haseki Hurrem yang terletak di Avratpazari, pinggir bandar Istanbul. Pembinaan hospital ini adalah sekitar 1539M (Said, 1988). Terdapat juga kenyataan bahawa pembinaan hospital ini berlaku sekitar 1550M sehingga 1558M. Pengasasnya ialah seorang gundik kepada Sultan Suleyman iaitu Roxelana, lebih dikenali dengan gelaran Haseki Hurrem Sultan dalam bahasa Turki (Nur Ainul Basyirah, 2017). Arkitek binaan hospital diketuai oleh Mimar Sinan. Hospital ini merupakan hospital umum yang menerima semua pesakit. Kakitangan hospital ini terdiri daripada 28 lapan orang meliputi 2 doktor, seorang pakar mata, seorang pakar bedah, seorang ahli farmasi, 4 pengawai pesanan, 2 pelayan yang menjaga sampel air kencing. Namun selepas era Tanzimat, hospital ini mengfokuskan kepada rawatan bagi pesakit wanita sahaja. Pada tahun 1842M, pesakit psikiatri wanita ditempatkan di Haseki Bimarhane. Pada tahun 1844M pula, wanita dengan penyakit mental yang dimasukkan ke sini telah dipindahkan ke Süleymaniye Bimarhane. Sementara itu, wanita fakir dan miskin tinggal di salah satu bilik Haseki Bimarhane. Satu lagi bilik, dikenali sebagai Nisa Tevkifhanesi (pusat tahanan wanita) biasanya dikenali sebagai Penjara Haseki, dan berada di bawah kawalan Kementerian Keselamatan Awam (Zabtiye Nezareti) (Yildirim, 2019).

Süleymaniye Darüşşifa, İstanbul

Pada era pemerintahan Sultan Suleyman al-Qanuni, Süleymaniye Darüşşifa dibina sebagai sebahagian daripada binaan yang terdapat di dalam kompleksnya iaitu kompleks Süleymaniye. Pembinaannya siap pada 1557M (Said, 1988). Hospital ini merupakan hospital paling berprestij tinggi yang pernah dibina dalam kerajaan Uthmaniyyah (Ayduz, 2010). Tujuan penubuhan kompleks dan hospital ini adalah untuk menyediakan pengajaran perubatan dan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat awam. Ia terletak di Istanbul dan dibina oleh arkitek Sinan. Di dalam kompleks tersebut, hospital diletakkan di sisi sebuah lorong dikenali *Tiryakiler Carsisi* dan mempunyai unit-unit yang tersendiri antaranya bahagian hospital, sekolah perubatan, stor ubat-ubatan, tempat rehat bagi pesakit setelah pulih daripada penyakit mereka (*tabhane*) dan dapur awam (*imaret*) (Nur Ainul Basyirah, 2017).

Beberapa unit binaan lain turut terdapat di dalam kompleks tersebut seperti perpustakaan, dapur awam, tempat mandi awam, karavanserai dan kedai-kedai kecil. Kompleks ini juga ditubuhkan melalui dana wakaf termasuklah di bahagian hospitalnya. Antara dana wakaf yang disalurkan ke Süleymaniye Darüşşifa ini adalah daripada hasil pasar buah-buahan, bazaar dan kedai-kedai kecil (Nur Ainul Basyirah, 2017). Mengikut akta penubuhan hospital, kakitangan hospital terdiri daripada seorang ketua doktor, 3 doktor, 2 pakar mata, 2 pakar bedah, seorang ahli farmasi, 5 pembantu farmasi, seorang pencatat rekod, seorang penjaga (Benli, 2016) seorang pelayan perempuan, seorang setiausaha, 4 penyuling, seorang penyambut tetamu, 2 tukang cuci, seorang pendandan rambut dan seorang tukang urut (Said, 1988). Pada tahun 1858M, hospital ini hanya digunakan untuk menempatkan pesakit mental sahaja (Erdal & Erbas, 2013) dan ditutup sepenuhnya pada tahun 1861M (Ayduz, 2004).

Atik Valide Nurbanu Sultan Darüşşifa, İstanbul

Atik Valide Nurbanu Sultan Darüşşifa juga dikenali sebagai Toptaşı Nurbanu Valide Sultan Darüşşifa. Ia dibina oleh isteri Selim II, yang merupakan ibu kepada Murad III bernama Sultan Nurbanu (Yildirim, 2019). Pembinaan hospital ini adalah pada 1582M di Üsküdar / Toptaşı, Istanbul (Erguven & Yilmaz, 2017). Menurut Yıldirim (2019), hospital ini dibina oleh arkitek Mimar Sinan. Pada era pemerintahan Sultan Selim III, Kompleks Atik Valide telah

diperuntukkan kepada *Nizam-ı Cedid* untuk dijadikan sebagai berek tentera. Selepas beberapa ketika, hospital di kompleks itu digunakan sebagai hospital yang dikenali sebagai Hospital Toptaşı Asâkir-i Hassa-i Şâhâne (1799). Semasa era Sultan Mahmud II pula, hospital ini telah diperbaiki dan sebuah rumah agam telah dibina berhampiran dengannya.

Pada tahun 1865M, hospital ini telah dijadikan tempat kuarantin bagi mereka yang dijangkiti taun semasa wabak taun yang teruk di Istanbul. Selepas berakhirnya wabak, ia dijadikan markas tentera. Seterusnya pada tahun 1873M, pesakit psikiatri dari Süleymaniye Bimarhane telah dipindahkan ke sini dan ianya dikenali sebagai Toptaşı Bimarhane (juga disebut sebagai Üsküdar Bimarhane). Bilangan pesakit secara beransur-ansur meningkat di Toptaşı Bimarhane. Apabila wabak taun sekali lagi melanda pada Ogos 1893M, bangunan ini terus dikepung dan pintu masuk dan keluar ditutup dan dikawal rapi.

Kesimpulan

Bidang perubatan merupakan satu bidang sains yang telah berkembang maju dalam kerajaan Uthmaniyyah. Salah satu sumbangan besar bidang perubatan adalah penubuhan institusi hospital dikenali dengan istilah *darüşşifa*. Hospital ini merupakan sebuah bangunan yang mempunyai ciri-ciri binaan unik yang direka bertujuan untuk memenuhi keperluan kesihatan komuniti di samping mengimplementasikan kemahiran perubatan. Keunikannya terserlah melalui konsep penubuhan hospital itu sendiri iaitu ditubuhkan sebagai institusi amal yang bertujuan untuk menyembuhkan pesakit secara percuma sama ada melalui rawatan perubatan mahupun rawatan rohani. Tambahan pula, institusi ini turut digabungkan dengan sekolah perubatan yang dibina berdekatan bagi menyemarakkan kegiatan intelektual dan penyelidikan saintifik dan seterusnya melahirkan doktor terlatih yang berkepakaran tinggi. Selain itu, kerajaan Uthmaniyyah turut berusaha sedaya upaya mewujudkan suasana nyaman, selesa dan damai agar dapat dinikmati oleh seluruh warga hospital dengan menyediakan fasiliti yang lengkap, kakitangan yang terbaik serta persekitaran yang mesra alam dan mesra pengguna.

Dalam konteks sejarah penubuhan hospital pada abad ke-15M dan abad ke-16M, kerajaan Uthmaniyyah telah membangunkan institusi hospital di beberapa bandar utama bermula dengan Yıldırım Bayezid Darüşşifa di Bursa (1400M), Fâtih Darüşşifa di Istanbul (1470M), Bayezid II Darüşşifa di Edirne (1488M), Hafsa Sultan Bimarhane, Manisa (1539M), Haseki Darüşşifa, Istanbul (1550M), Süleymaniye Darüşşifa, Istanbul (1557M) dan Atik Valide Nurbanu Sultan Darüşşifa (1582M). Sebahagian hospital ini dibina oleh para sultan seperti Sultan Bayezid I, Sultan Mehmet II, Sultan Bayezid II, Sultan Süleymaniye dan sebahagian lagi dibina oleh kerabat diraja atau golongan istana seperti Hafsa Sultan, Haseki Hurrem Sultan dan Nurbanu Sultan. Oleh itu jelaslah bahawa, penubuhan hospital yang disertai oleh pemerintah dan para sarjana dalam kerajaan Uthmaniyyah merupakan salah satu usaha murni yang ditonjolkan untuk menjaga kualiti kesihatan awam sehingga berjaya menyumbang kemewahan, kemakmuran dan kesejahteraan kepada seluruh masyarakat dan juga negara. Kejayaan kerajaan Uthmaniyyah dalam aspek penubuhan hospital ini turut menggambarkan bahawa tamadun Islam suatu ketika dahulu merupakan sebuah tamadun yang terkehadapan dalam bidang sains perubatan dan pengurusan institusi hospital. Justeru, konsep dan idea penubuhan hospital tersebut boleh dijadikan inspirasi bagi sistem hospital pada masa kini terutamanya di Malaysia bagi memperkembangkan lagi pengurusan hospital sedia ada.

Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh geran Kursi Syeikh Abdullah Fahim (RH-2020-008) di Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- Abu Hanifah Haris. (2020). Sejarah kerajaan Turki Uthmaniyah dan sumbangannya dalam bidang sosiopolitik abad ke-14 hingga abad ke-20 (history of the Ottoman Empire and its contributions in sociopolitical aspects from 14th century until 20th century). *Journal of Al-Tamaddun*, 15(1), 85-107. doi:10.22452/JAT.vol15no1.6
- Afacan, S. (2010). *From Traditionalism To Modernism: Mental Health In The Ottoman Empire* (Tesis Sarjana, Sabanci University, Istanbul, Turkey).
- Ahmad Sobrie Haji Ab. Rahman & Roziyah Sidik @ Mat Sidek. (2017). Role and contribution of Ottoman science institutions in the development of Muslim civilization: spotlight on 16th century. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(9), 462–468.
- Akinci, H. (2018). Architectural Design of the Complex of Sultan Bayezid II - Health Museum. *Unimuseum*, 1(1), 28-34.
- Ammalina Dalillah Mohd Isa. (2015). *Sains dan Teknologi Era Sultan Muhammad al-Fatih* (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia Selangor, Malaysia).
- Ayduz, S. (2004). Science and related institutions within the Ottoman administration during the classical period. *Foundation for Science Technology and Civilisation (FSTC Limited)*.
- Ayduz, S. (2007). Suleymaniye Medical Madrasa (Dar al-Tib) in the history of Ottoman medicine. *Foundation for Science Technology and Civilisation (FSTC Limited)*.
- Ayduz, S. (2010). Ottoman contributions to science and technology: some examples from medicine, astronomy and geography. *Journal of Islamic Research*, 21(2), 127-142.
- Babacan, U. Z., (2019). *The Conditions and Methods of The Land Travels of The Ottoman Subjects During The Pre-Modern Era* (Tesis Sarjana, Bilkent University, Ankara, Turkey).
- Bakır, B. & Başağaoğlu, İ. (2006). How medical functions shaped architecture in Anatolian Seljuk Darüşşifas (hospitals) and especially in the Divriği Turan Malik Darüşşifa. *Journal of the International Society For The History of Islamic Medicine* 5, 64–82.
- Benek, B. S., Sakar, H., Bayram, R., & Gumustekin, K. (2015). The oldest medical center of the Anatolia: Gevher Nesibe Darussifa and medical school. *Acta Medica Anatolia*, 3(3), 108-110.
- Benli, G. (2016). Hospitals in the Ottoman period and the work Of Sinan the architect : Suleymaniye Complex Dar Al-Shifa and the Medical Madrasa. *A+Arch Design International Journal of Architecture and Design* 2(3), 1–9.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research In Psychology*, 3(2), 77-101.
- Çıkmaz, S., & Mesut. R. (2020). History of Islamic medical schools in Turkey's territory. *Balkan Medical Journal*, 37(6), 361.
- Dişli, G. (2018). Functional spaces and furnishing designs in the historical Anatolian Seljuk and Ottoman hospitals. *WIT Transactions on The Built Environment*, 177, 209-220.
- Erdal, G., & Erbaş, İ. (2013). Darüşşifas where music threapy was practiced during Anatolian Seljuks and Ottomans/Selçuklu ve Osmanlı Darüşşifalarında müzikle tedavi. *Journal of History Culture and Art Research*, 2(1), 1-19.

- Ergin, N. (2015). Healing by design? an experiential approach to early modern Ottoman hospital architecture. *Turkish Historical Review*, 6, 1-37.
- Erguven, M. H., & Yilmaz, A. (2017). Development of turkish wellness philosophy and reconsideration of sifahane concept: the case of the Darussifa of Bayezid II. *Nevşehir Hacı Bektaş Veli Üniversitesi SBE Dergisi*, 7(1), 27-37.
- Farahdina Abd Manaf. (2005). Perkembangan maristan (hospital) dalam tamadun Islam. *Citu Centre for Islamic Thought and Understanding Centre for Islamic Thought and Understanding*, 1(2), 153–176.
- Gunergun, F. (2009). Sciences. Dlm. Agoston, G. & Master, B. (pnyt.), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, (hlm. 506-511). United States, New York: Fact on File Inc.
- Heybeli, N. (2009). Sultan Bayezid II Kulliyesi: one of the earliest medical schools-founded in 1488. *Clinical Orthopaedics and Related Research*, 467, 2457–2463.
- Ihsanoglu, E. (2004). *Science, Technology and Learning in the Ottoman Empire*. United Kingdom, Farnham: Ashgate Publishing Limited.
- Ihsanoglu, E. (2006). An Overview of Ottoman scientific activities. *Foundation for Science Technology and Civilisation (FSTC Limited)*.
- Mihaljinec, I. (2021). *Music As Healing In The Anatolian Seljuk Times* (Tesis Sarjana, University of Zadar, Zadar, Croatia).
- Norshahidah Zakaria. (2015). *Perkembangan sains Islam era Dawlah Uthmaniyyah* (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia).
- Nur Ainul Basyirah Alias. (2017). *Perkembangan wakaf kesihatan Hospital Fatih di Istanbul* (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia).
- Nur Ainul Basyirah Alias & Ermy Azziaty Rozali. (2017). Pembinaan institusi wakaf kesihatan di Istanbul pada tahun 1470M (Hospital Fatih). *Islamiyyat*, 39(2), 153-164.
- Roziah Sidik @ Mat Sidek & Nurliyana Talib. (2013). Perkembangan sains tabi'i Islam era Uthmaniyyah. *Journal of Al-Tamaddun*, 8(2), 37-47.
- Roziah Sidik @ Mat Sidek, Azmul Fahimi Kamaruzaman dan Mohd Jailani Abdullah. (2022). Music therapy in medicine of Islamic civilization. Dalam Amit Agrawal, Roshah Sutar dan Anvesh Jallapally. *Music in Health and Diseases*. London: IntechOpen.
- Said, H.M. (1988). Tibb and tibbi institutions in Turkey. *Bulletin of the Indian Institute of History of Medicine (Hyderabad)*, 18(1), 47–74.
- Sengul, E. (2015). Edirne Sultan Bayezid II Hospital. *Turk Neurosurg*, 25(1), 1-8.
- Shefer-Mossensohn, M. (2009). *Ottoman Medicine Healing and Medical Institutions 1500–1700*. United States, New York: Suny Press.
- Shefer-Mossensohn, M. (2015). *Science Among The Ottomans: The Cultural Creation And Exchange Of Knowledge*. United States, Texas: University of Texas Press.
- Sternberg, R. J., Sternberg, K., & Mio, J. (2012). *Cognitive psychology*. United States, Boston: Cengage Learning Press.
- Tanrioer, S. H. (2016). Healthcare architecture on the silk road: Darussifas built by the Seljuk and Ottoman Empires on the Anatolian trade routes. *4th International Conference, Mukogawa Women's Univ., Nishinomiya, Japan*, 33-36.
- Ucaner, B., & Heiderscheit, A. (2016). Music therapy in Turkey: Curriculum development and professional collaboration. *Music Therapy Today*, 12(1), 8-20.
- UNESCO. (2016). Sultan Bayezid II Complex: A Center of Medical Treatment- UNESCO World Heritage Center. Diakses dari <https://whc.unesco.org/en/tentativelists/6117/>
- Yildirim, N. (2019). Istanbul Darüşşifas (hospitals) in the classical period. History of Istanbul. Diakses dari <https://istanbultarihi.ist/476-istanbul-darussifas-hospitals-in-the-classical-period>.

Yılmaz, S. (2013). *The prominent health Institutions (Darü's-Şifas) and their functions in Anatolia from the Turkic conquest through the Ottoman era* (Tesis Sarjana, Bilkent University, Ankara, Turkey). Diakses dari <http://repository.bilkent.edu.tr/handle/11693/15809>.